

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA 2020, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN [ KIMANIS ]**  
**TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengembalikan kemudahan diskaun seperti sebelum ini untuk pembayaran balik pinjaman PTPTN bagi membantu mengurangkan bebanan kewangan mahasiswa.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian amat prihatin terhadap bebanan peminjam PTPTN untuk membuat bayaran balik pinjaman mereka semasa pandemik COVID-19 ketika ini. Justeru, bagi membantu meringankan beban mereka, beberapa inisiatif telah diperkenalkan antaranya:

- a. Penganjuran '*Virtual Mini Job Hunt for PTPTN Borrowers*' secara dalam talian dengan kerjasama PERKESO bagi membantu peminjam mendapatkan peluang pekerjaan, seterusnya berupaya membuat bayaran balik pinjaman mereka;
- b. Membantu mengurangkan bebanan atau komitmen bayaran balik pinjaman dengan sentiasa terbuka untuk membuat rundingan bagi:
  - i. menstrukturkan semula bayaran balik pinjaman sehingga umur 60 tahun; dan
  - ii. menangguhkan bayaran balik pinjaman sehingga maksimum 24 bulan.

Selain itu, Kerajaan turut bersetuju untuk memberikan moratorium kepada peminjam PTPTN bagi tempoh enam (6) bulan mulai Mac hingga Disember 2020. Inisiatif memberikan manfaat kepada 1.5 juta peminjam dengan jumlah bayaran balik yang ditangguhkan adalah sebanyak RM1.125 billion.

Sebarang cadangan untuk memperkenalkan semula pemberian diskaun bayaran balik pinjaman memerlukan kajian lanjut yang terperinci mengenai implikasi kewangan kepada Kerajaan, khususnya PTPTN.

Kerajaan yang bertanggungjawab serta prihatin akan sentiasa memastikan kebajikan serta permasalahan rakyat ditangani dengan sebaiknya, dan pada masa yang sama perlu melindungi sumber yang ada agar sentiasa dalam keseimbangan dan kekal lestari.

Sekian, terima kasih.